

Isnin, Feb 26 2018

SK Group perlu setahun jalani kerja asas di Malaysia

UM 24/2

KUALA LUMPUR 23 Feb. - Kerajaan memberi tempoh selama setahun kepada konglomerat dari Korea Selatan, SK Group untuk melaksanakan kerja-kerja asas di negara ini selain perlu membuktikan keseriusan kumpulan itu membentuk kerjasama pelaburan dalam bidang-bidang utama.

Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr. Mohd. Irwan Serigar Abdullah berkata, kumpulan perniagaan itu juga perlu membentuk sebuah syarikat bertujuan khas (SPV) yang dijangka mengambil masa selama tiga hingga lima bulan akan datang.

Bagaimanapun, katanya, SK Group dikatakan sudah pun menawarkan pekerjaan kepada tenaga-tenaga berkemahiran tinggi tempatan.

"Sekarang menerusi ker-

Dr. Ahmad Zahid Hamidi; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa; Pengerusi SK Group, Chey Tae Won serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif SK E&S, Yu Jeong Joon.

Yang turut hadir ialah menteri-menteri Kabinet termasuk Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Menteri Pertahanan,

Datuk Seri Hishamuddin Tun Hussein serta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Dalam majlis yang sama, anak syarikat SK Group, SK Holdings Co. Ltd. dan SK Telecom Co. Ltd. turut memem-

terai MoU dengan syarikat milik kerajaan, Cyberview Sdn. Bhd. (Cyberview).

Sementara itu, Tae Won memberitahu bahawa men-



MOHD. IRWAN SERIGAR

Sekarang, menerusi kerjasama secara Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS), kerajaan telah melibatkan penyertaan pemain antara-bangsa.

“Menerusi NBOS, kerajaan akan berkongsi pengetahuan dan kepakaran dengan SK Group. Setahun tempoh diberikan kepada mereka untuk menjalankan kerja-kerja asas di negara ini,” katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) di antara Malaysia dengan SK Group di sini hari ini.

Majlis itu disaksikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak; Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri

Memorandum, pihaknya mendapati konsep NBOS yang diperkenalkan kerajaan adalah potensi unik untuk kumpulannya meluaskan pelaburan.

“Saya melihat banyak peluang untuk membentuk kerjasama secara awam dan swasta di negara ini,” ujarinya.

Dalam pada itu, Jeong Joon pula berkata, SK Group sedang berunding dengan Petroliam Nasional Bhd. (Petronas) untuk menjalin kerjasama dalam projek-projek petrokimia dan tenaga diperbaharui.

“Kami juga merancang untuk membuat pelaburan dalam projek ‘Kompleks Bersepadu Penapisan Minyak dan Petrokimia di Pengerang, Johor,” jelasnya.